

 Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search ▾

Home &gt; Berita Harian &gt; 22 January 1967 &gt; Page 9 &gt; TV Malaysia patut tayangkan 'Anak Wayang'

## TV Malaysia patut tayangkan 'Anak Wayang'

Berita Harian, 22 January 1967, Page 9

 Article also available on Microfilm Reel NL4985 Add to Citation Previous ArticleNext Article  Previous PageNext Page 

# TV Malaysia patut tayangkan 'Anak Wayang'

**SEKITAR TANAH AYER**

Oleh  
**ZAKARIA**  
**M.Z.**

**SIAPA-KAH** anak wayang yang sa-benar-nya? Apa-kah ia manusia yang istimewa, tidak mempunyai hati, tidak mempunyai perasaan? Apa-kah ia senantiasa tersenyum dan tidak mempunyai sejarah sedeh dan duka?

Itu-lah antara lain persoalan yang di-kemukakan oleh drama **AKU ANAK WAYANG** persembahan Talivishen Singapura B bagi menyambut Hari Raya Idilfitri 1386.

Drama karya Sdr Zain Mahmud dan arahan Sdr Bani Buang ini di-dukong

### Information ^



Newspaper:  
Berita Harian

Date:  
22 January 1967

Reel Number:  
NL4985

Share     

### Table of Contents ^

< Previous  Page 9  Next >

#### Himpunan Seni adakan Majlis Idilfitri

Himpunan Seni adakan Majlis Idilfitri Oleh MARHI IIIMPUNAN Se ni Budaya, Kuala Lumpur akan

#### Ibu adakan Pesta Ria

Ibu adakan Pesta Ria —ATON AJEMANG agak lama juga kita telah kedahagaan ik melihat aktibiti2 yang p

#### KEGIATAN SENI DI-NEGARA ADAT PERPATEH

KEGIATAN SENI DI-NEGARA ADAT PERPATEH Oleh DHARMA WIJA YA BAPAN2 Seni di-Negeri SembUan

 View Full Table of Contents >

oleh Sdr2 Umi Kalsum sa-bagai Norlia, Rosli Jalil sa-bagai Hashim (adek Norlia), Rosnani sa-bagai Lela (adek Norlia), Ahmad Nisfu sa-bagai Datok Othman J.P. (ayah Norlia), Neng Yatimah sa-bagai Ambam (babu di-rumah Norlia), Yusoff Latif sa-bagai Tengku Hisham (tunangan Lela kekaseh Norlia) dan Osman Zailani sa-bagai Kasman.

## SENIWATI

Drama ini mencheritakan pergolakan jiwa sa-orang seniwati, ia-itu Norlia. Walau pun ibunya, sa-belum kawin dengan Datok Othman, juga sa-orang 'anak wayang,' namun Norlia di-pandang hina oleh anggota keluarga-nya kerana menjadi 'anak wayang.'

Kebenchian Lela terhadap kakak-nya, yang berpuncha dari perasaan iri-hati-nya, makin memunchak apabila Norlia pulang sa-chara tiba2.

Di-samping rasa iri-hati itu, Norlia benchi akan kakak-nya, kerana kepulangan kakak-nya itu bererti Tengku Hisham akan melayan Norlia dan meninggalkan dia.

Apabila Norlia mendapat tahu bahawa Tengku Hisham akan kawin dengan Lela, maka ia pun mengambil keputusan untuk pulang ka-Singapura kerana harapan-nya putus dan untuk menjaga ketenteraman rumah-tangga adek-nya sendiri.

Sa-chara kebetulan pula, ketika Norlia memikirkan diri-nya sendiri dan kebahagiaan adek-nya, Kasman tiba. Norlia bermuafakat dengan Kasman untuk berpura-pura telah kawin. Datok Othman, perchaya bahawa anak-nya sudah kawin, merestui perkawinan itu.

Maka pulang-lah Norlia dengan Kasman, yang kemudian menjadi suami-nya pula, ka-Singapura.

Bagitu-lah rengkarita

**AKU ANAK WAYANG.**  
Hal yang menarek hati  
saya tentang drama ini  
ia-lah bahan cherita-nya.

## **PERCHAYA**

Saya rasa, belum ada drama yang mengeksplor kehidupan seniman, baik seniman sastera maupun seniman drama, sa-chara sunggoh2.

Kapada orang banyak seniman dan seniwati, dalam semua cabang seni, merupakan manusia istimewa. Tetapi pada hakikatnya kehidupan para seniman Melayu Malaya khususnya tidaklah sa-bagaimana anggapan orang banyak itu.

Para seniman juga manusia biasa yang mempunyai sejarah dukanya, yang sanggup berkorban untuk kebahagiaan orang lain. NLB

Saya rasa pada bahagian2 tertentu persoalan yang di-kemukakan merupakan persoalan yang nyata. Umpama - nya, Kasman menyentuh tentang pembuangan para pelakon dari sharikat perfileman merupakan masa'alah yang di-hadapi oleh para seniman dan seniwati sa-tempat.

Bahan drama ini ditarek dari suatu realitet sosial.

Pada sa-tengah orang, dan barangkali pada sa-tengah penulis, bahan mentah ini mungkin suatu propaganda, tetapi — saya rasa — drama ini suatu seni yang tidak kurang nilai-nya.

## **MENAREK**

Hal ini di-sebabkan oleh jalinan cherita-nya (yang tentu - nya diperoleh dari bahan mentah yang saya sebut diatas) bagitu rapi ssa-kali, lakonan-nya hidup dan dialog-nya amat segar.


Persembahan - nya, yang di-mulakan dengan Norlia mencheritakan kehidupan-nya, flash-back, dan di-akhiri dengan kehidupan-nya sa-telah meninggalkan dunia perfileman. sunggoh mena-

rek sa-kali.

Dengan jalinan cherita-nya yang rapi, dekor-nya yang menarek, saya rasa, ini-lah antara drama yang benar2 dapat di-banggakan.

Kerana drama ini menyentoh suatu horison yang belum di-teroka oleh dramatis2 Melayu Malaya, saya rasa, **Aku Anak Wayang** berjaya dari beberapa hal: lakanan-nya, persembahan-dekor-nya, dan lebeh2 lagi, perchobaan-nya.

Oleh kerana drama yang saya bicharakan ini, pada hemat saya, belum di-pertunjokkan di-Malaya, ingin saya menganjorkan pehak Talivishen di-Kuala Lumpur menayangkan drama ini untuk kebaikan para pemiat dan pendukung drama kita.



ROSNANI



**YUSOF LATIFF**



## Related Articles

No related article found.



National Library Board  
Singapore

Contact Us Feedback FAQ



Art Vulnerability  Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy Browser Compatibility

©2021 Government of Singapore  
Last Updated 29 Oct 2019